

Panduan Am Pelesenan Majlis Perbandaran Bentong

1. Peniaga hanya dibenarkan menjalankan perniagaan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Bentong.
2. Sebarang pertukaran jenis perniagaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari Majlis Perbandaran Bentong.
3. Barang-barang jualan yang tidak digunakan, rosak atau tamat tempoh tidak dibenarkan dijual atau dipamerkan.
4. Barang-barang yang beracun atau berminyak hendaklah diasingkan dari tempat menyimpan barang-barang makanan.
5. Barang-barang perniagaan hendaklah disusun dengan teratur.
6. Laluan awam hendaklah dikosongkan tanpa sebarang gangguan.
7. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dipamerkan.
8. Lesen perniagaan tidak boleh dipindah milik kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Bentong.
9. Tempat awam (kaki lima) longkang awam, lorong-lorong belakang dan jalan susur hendaklah bebas dari sebarang halangan setiap masa.
10. Menyediakan alat pemadam api yang diperakui oleh pegawai bomba, dan Majlis Perbandaran Bentong tidak bertanggungjawab di atas sebarang risiko kebakaran.
11. Menyediakan sekurang-kurangnya satu peti ubat petolongan cemas.
12. Peniaga diwajibkan berpakaian kemas semasa menjalankan perniagaan.
13. Premis perniagaan hendaklah dijaga supaya berkeadaan bersih setiap masa.
14. Menyediakan tong sampah yang mencukupi.
15. Kemudahan tandas dan bilik air hendaklah diadakan dan bersih setiap masa.
16. Peniaga hendaklah mengambil tindakan yang sesuai supaya perniagaan yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu.
17. Menentukan pemasangan papan iklan hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Bentong.
18. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi kesalahan atau Majlis boleh mengambil tindakan kompaun atau tindakan mahkamah.

19. Adalah diingatkan bahawa Majlis Perbandaran Bentong boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan lesen tanpa memberitahu sebab selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan di atas.